

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
2020

**HARI KHAMIS : 19 NOVEMBER 2020**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
( SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 49 )**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [ TELUK INTAN ]  
TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bersedia memansuhkan Akta Universiti dan Kolej Universiti yang menzalimi pimpinan mahasiswa yang lantang bersuara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) [AUKU] telah diwartakan pada 30 April 1971 dan merupakan akta induk bagi maksud menubuh, menyelenggara dan mentadbir universiti dan kolej universiti awam di Malaysia. Selain daripada perkara berkaitan pelajar, kandungan utama AUKU turut merangkumi hal berkaitan kawal selia dan tadbir urus universiti, seperti punca kuasa penubuhan, lembaga pengarah universiti, kuasa universiti dan perlembagaan universiti.

Kementerian sentiasa prihatin dan responsif ke atas aspirasi pelbagai pihak yang inginkan AUKU ditambah baik dari semasa ke semasa. Atas dasar inilah, AUKU telah mengalami proses pindaan sebanyak tujuh (7) kali sejak ia diwartakan pada tahun 1971 hinggalah pindaan terakhir pada tahun 2019.

Pindaan pada tahun 2012 misalnya, telah membolehkan mahasiswa menyertai kegiatan parti politik di luar kampus, manakala pindaan pada tahun 2019 pula telah memberikan kebebasan kepada pelajar menyertai aktiviti parti politik di dalam kampus. Kedua-dua pindaan ini boleh dianggap sebagai pindaan yang paling signifikan ke atas kebebasan berpolitik pelajar di kampus.

Usaha berterusan masih dilaksanakan oleh pihak kementerian bagi menambah baik AUKU mengikut keperluan semasa. Sebuah Jawatankuasa Kerja Penambahbaikan AUKU telah ditubuhkan pada bulan September 2020 untuk meneliti secara menyeluruh penambahbaikan yang boleh dilaksanakan supaya AUKU sentiasa relevan dengan kehendak semasa. Keahlian Jawatankuasa ini terdiri daripada pakar perlembagaan, pakar sektor pendidikan tinggi, wakil pengurusan tertinggi universiti, wakil persatuan dan NGO serta wakil pelajar. Apa jua tindakan yang akan diambil oleh kementerian, ianya berlandaskan hasrat untuk melahirkan mahasiswa yang dinamik, peka dan prihatin ke atas isu kenegaraan dalam usaha mempersiapkan mereka menjadi pemimpin masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR  
[CAMERON HIGHLANDS]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk meneruskan projek menaik taraf jalan pedalaman dari Pos Betau ke Pos Lenjang kepada Fasa Kedua iaitu dari jajaran Pos Lenjang ke Pos Titom.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek pembinaan jalan di pedalaman negeri Pahang dari Pos Betau ke Kampung Simoi (15.22km) telah dilaksanakan oleh ICU, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2020 dengan pelantikan JKR sebagai Agensi Pelaksana.

JAKAO akan meneruskan kesinambungan projek tersebut dalam Rancangan Malaysia Ke-12 iaitu dari Kampung Simoi ke Pos Lenjang sejauh 20km. Permohonan ini telah dikemukakan kepada EPU pada April tahun 2020 untuk memulakan pelaksanaan projek pada tahun 2021.

Seterusnya fasa kedua iaitu jajaran dari Pos Lenjang ke Pos Titom dijangka akan dilaksanakan pada akhir RMKe-12 iaitu selepas projek jalan Kampung Simoi ke Pos Lenjang disiapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI  
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [ BEAUFORT ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah berserta lokasi yang telah dilaksanakan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di Sabah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah pelaksanaan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Negeri Sabah, sebanyak 15 buah projek telah dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun di bawah RMKe-11 dengan kos keseluruhan projek sebanyak RM3.06 bilion dan memberi manfaat kepada 9,588 buah rumah di pelbagai daerah di Negeri Sabah.

Bagi Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Negeri Sabah, sebanyak 63 buah projek sedang dilaksanakan oleh Kementerian dengan kos keseluruhan sebanyak RM2.04 bilion dan memberi manfaat kepada 34,078 buah rumah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN  
[KOTA KINABALU]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN CHAN FOONG HIN [ KOTA KINABALU ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan tindakan Kementerian dalam menangani ucapan kebencian anti-pendatang ketika jangkitan COVID-19 meningkat di Malaysia seperti dilaporkan oleh Reuters pada 14 Oktober 2020 yang bertajuk "*Anti- migrant sentiment fanned on social media, little action taken by Facebook*", berkenaan pelarian Islam Rohingya dari Myanmar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui pelbagai medium dan program kesedaran serta advokasi sentiasa mengingatkan orang awam agar tidak menyalahgunakan media sosial untuk menyebarkan kandungan atau bahan yang berunsur kecaman terhadap sesebuah kumpulan, yang boleh menimbulkan kemarahan serta menjejaskan ketenteraman.

Perkongsian, perbincangan, komentar, kritikan, maklum balas dan pendapat pihak tertentu berhubung situasi, kejadian, perkara atau isu semasa adalah sebahagian daripada hak dan kebebasan yang termaktub dalam Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Pihak Kerajaan komited dalam mendukung hak tersebut bagi memastikan setiap rakyat Malaysia menikmati kebebasan asasi mereka. Kebebasan untuk membincangkan perkara-perkara atau berita secara terbuka dan telus di media sosial perlu dikekalkan tetapi ia harus dibuat dengan cara yang berhemah dan tidak melanggar sebarang peruntukan undang-undang.

Selain itu, kandungan ucapan kebencian atau '*hate speech content*' sememangnya menjadi kesalahan di platform media sosial seperti *Facebook* dan *Instagram*, atau di platform penstriman video seperti *YouTube*. Kandungan-kandungan yang dilaporkan akan dinilai berdasarkan terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak mereka, seterusnya akan dipadamkan sekiranya kandungan tersebut didapati melanggar terma dan syarat, serta piawaian komuniti atau *community standards* (dengan izin) yang ditetapkan oleh pihak mereka.

Kementerian juga sentiasa menyebarkan maklumat yang sahih melalui kenyataan media, infografik dan liputan berita/video yang dikeluarkan oleh Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) dan BERNAMA berkaitan menangani ucapan kebencian anti-pendatang ketika jangkitan COVID-19 meningkat di Malaysia melalui platform media sosial rasmi Kementerian.



## NO SOALAN : 14

Dalam menangani ucapan kebencian anti-pendatang ketika jangkitan COVID-19 meningkat di Malaysia baru-baru ini, RTM telah mendapatkan pandangan pelbagai pihak berkuasa dan berintegriti bagi membincangkan usaha kerajaan dan penyatuan masyarakat dalam membendung anasir luar yang cuba memburukkan Malaysia.

Dalam tempoh berkenaan juga, RTM menerusi saluran-saluran TV, radio dan media dalam taliannya telah menyiarkan sejumlah 174 hebahan berbentuk laporan berita mengenai kesamarataan layanan kerajaan terhadap pendatang asing walaupun dengan penyebaran pandemik COVID-19. Ia secara tidak langsung telah menangkis persepsi tidak benar mengenai layanan Malaysia kepada warga asing di negara ini.

Bagi isu pelarian Rohingya baru-baru ini, RTM telah memaparkan pelbagai laporan berita mengenai usaha Malaysia dalam menangani isu berkenaan secara adil dan saksama. Dalam tempoh Mac hingga September 2020 sebanyak 150 kali laporan yang disiarkan RTM tertumpu kepada:

- a. Ketegasan pihak berkuasa terutama yang mengawal perairan negara mengawal kemasukan pelarian ke negara ini dalam memastikan keselamatan rakyat amnya;
- b. Toleransi Malaysia terhadap pelarian menerusi layanan saksama dan berperikemanusiaan;
- c. Kawalan jangkitan Covid-19 oleh pasukan kesihatan terhadap pelarian termasuk ujian calit dan kuarantin;
- d. Penghantaran pulang pelarian sebaik disahkan negatif wabak; dan
- e. Gesaan kepada pertubuhan antarabangsa dan negara serantau untuk sama-sama menggalas tanggungjawab bantuan kemanusiaan

Pada 8 Julai 2020, RTM telah mengupas isu pelarian Rohingya ini menerusi rancangan bual bicaranya, dengan mengajak rakyat agar

memfokuskan usaha penyatuan masyarakat dalam situasi COVID-19 dan penyatuan dalam membendung anasir luar yang memburukkan Malaysia.

RTM bagaimanapun peka dengan cubaan pelbagai pihak yang menyebarkan maklumat secara tidak bertanggungjawab di platform media sosial. Bagi menanganinya, RTM telah menerbitkan rancangan '**Pastikan Sahih**' bagi memberikan maklumat yang benar dan membetulkan maklumat palsu yang tular. Rancangan 'Pastikan Sahih' bersiaran setiap Isnin hingga Jumaat pada jam 6.30 petang di Saluran Berita RTM *Myfreeview* 123.

Kenyataan-kenyataan penafian atau penjelasan yang dibuat akan disebarkan oleh Pasukan Respons Pantas (PRP) KKMM serta diterbitkan dalam Portal Sebenarnya.my sebagai repositori kepada berita-berita yang telah ditentusahkan dan untuk menjadi sumber rujukan bagi orang ramai menentusahkan sesuatu berita yang tular.

Selain daripada Portal Sebenarnya.my, Kementerian juga telah menjalankan **Kempen "Kebebasan Bersuara bukan Kebebasan Berbohong"** serta **Jawatankuasa Jenayah Siber PDRM-MCMC** sebagai salah satu inisiatif untuk memupuk kesedaran serta mendidik masyarakat Malaysia agar tidak mudah terjebak menjadi mangsa virus berita palsu secara proaktif melalui penglibatan pihak media seperti stesen-stesen televisyen; merangkumi awam dan swasta, media cetak serta media dalam talian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [ TAMPIN ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 [ KHAMIS ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah pemantauan dilakukan dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan dilakukan oleh Kementerian dalam mengatasi isu pembuangan sampah di tempat yang tidak sepatutnya dilakukan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah melaksanakan pelbagai usaha dalam mengatasi masalah pembuangan sampah haram oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

2. Bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Ogos 2020, sebanyak 843 operasi sampah haram telah dilaksanakan dan sebanyak 858 lokasi sampah haram telah dibasmi di 7 buah negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Menerusi operasi-operasi pembasmian lokasi sampah haram yang telah dijalankan, sebanyak 14 kes telah didakwa dan disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 71 (1) Akta 672 dengan jumlah denda sebanyak RM164,000.00. Kes-kes ini membabitkan lokasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor dan Negeri Sembilan.

3. Antara langkah-langkah bagi mengatasi masalah pembuangan sampah haram di 7 negeri yang menerima pakai Akta 672 adalah:

- (a) pemantauan secara berkala oleh anggota penguatkuasa SWCorp di kawasan perkhidmatan serta beberapa lokasi *hot spot* pembuangan sampah haram;
- (b) membersihkan lokasi sampah haram yang telah dikenal pasti;
- (c) memasang papan tanda serta *barrier tape* bagi kawasan yang telah dibersihkan dan berpotensi menjadi lokasi pembuangan sampah haram;
- (d) memantau secara bersepadu antara SWCorp, agensi penguatkuasaan yang berkaitan serta masyarakat setempat

## NO SOALAN : 16

dalam memastikan pembuangan sampah haram tidak berlaku;

- (e) melaksanakan program libat urus bersama penduduk setempat dan mengedarkan risalah berkaitan kesalahan-kesalahan serta hukuman yang boleh dikenakan di bawah Akta 672;
- (f) menjalankan “Operasi Intip dan Cekup” bagi mengenal pasti mereka yang tidak bertanggungjawab melanggar undang-undang membuang sampah di lokasi yang tidak dibenarkan; dan
- (g) melaksanakan tindakan ke atas pelaku kesalahan yang membuang sisa secara haram mengikut Seksyen 71, Akta 672. Jika disabitkan kesalahan, pesalah boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada 6 bulan dan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

4. Persekitaran bebas daripada sampah haram merupakan tanggungjawab bersama dan penglibatan orang awam amat diharapkan supaya masyarakat setempat lebih bertanggungjawab dengan tidak membuang sampah di tempat yang tidak dibenarkan. Sebarang aduan berkaitan pembuangan sampah haram boleh dilaporkan kepada SWCorp melalui talian bebas tol Indahkan Malaysia 1-800-88-7472.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN  
NIK ABDUL AZIZ [ BACHOK ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [ BACHOK ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan perancangan pihak Kementerian terhadap laporan-laporan berkaitan akses internet yang terhad di kawasan luar bandar sehingga menyukarkan para pelajar dan guru untuk membuat pembelajaran dan pengajaran secara atas talian.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa memberikan tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar di seluruh negara.

Di bawah pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), penambahbaikan infrastruktur digital yang dilaksanakan secara berfasa akan memberikan kualiti pengalaman yang sama rata antara kawasan bandar dan luar bandar. Sasaran fasa pertama yang kini telah bermula sehingga tahun 2022 ialah :

- a. penambahan daripada 4.95 juta premis kepada 7.50 juta premis mendapat akses kepada jalur lebar talian tetap berkelajuan gigabit;

## NO SOALAN : 19

- b. perluasan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8% kepada 96.9% di kawasan yang berpenduduk; serta
- c. mempertingkatkan kelajuan purata jalur lebar mudah alih daripada 25Mbps kepada 35Mbps.

Bagi mencapai sasaran yang ditetapkan, tambahan sebanyak lebih 2.5 juta premis akan disediakan akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan gigabit melalui rangkaian gentian optik. Untuk perkhidmatan jalur lebar mudah alih, sejumlah 2,601 menara baharu akan dibina, manakala sebanyak 20,803 alat pemancar komunikasi sedia ada akan dinaik taraf kepada teknologi 4G.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat sebanyak 873 Pusat Internet Komuniti (PIK) di seluruh negara di bawah kelolaan SKMM yang boleh digunakan sebagai pelengkap (*complement*) untuk pembelajaran atas talian oleh para pelajar untuk pembelajaran dan mengakses internet.

Walau bagaimanapun, segala inisiatif pembangunan infrastruktur digital ini memerlukan kerjasama dari semua pihak, terutamanya di peringkat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk pemudahcaraan proses dan kelulusan bagi projek-projek yang telah dirancang dan yang akan dilaksanakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK  
[ SIMPANG RENGAM ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status semasa tindakan pihak Kementerian terhadap laporan Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara (JKD) yang diserahkan pada 2 Mei 2019 serta menyatakan komitmen supaya laporan berkenaan akan diangkat kepada Jemaah Menteri pada tahun ini dan seterusnya dimaklumkan kepada rakyat.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah selesai menjalankan makmal untuk menganalisis serta memperhalusi secara menyeluruh kesemua syor Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara (JKDPN). Dapatan makmal ini telah menghasilkan beberapa syor penyelesaian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah memutuskan supaya Kajian Separuh Penggal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 dijalankan dalam tiga fasa. Kajian Separuh Penggal PPPM Fasa 1 dan Fasa 2 telah selesai dilaksanakan. Dapatan daripada laporan JKDPN juga telah digunakan sebagai input dalam Kajian Separuh Penggal PPPM Fasa 2.

Pada masa ini, KPM sedang melaksanakan Kajian Separuh Penggal PPPM Fasa 3 (KSP3) dan dijangka akan selesai pada akhir bulan Januari 2021. Kajian ini akan menilai jurang pencapaian sasaran aspirasi dan intervensi yang telah ditetapkan dalam PPPM 2013 – 2025. Makmal KSP3 akan diadakan antara bulan Disember 2020 dan Januari 2021 bagi memperincikan penyelesaian untuk merapatkan jurang pencapaian PPPM. Laporan KSP3 akan disediakan dalam bulan Februari 2021. Keseluruhan dapatan Kajian Separuh Penggal PPPM ini akan dilaporkan bersekali dalam satu Memorandum Jemaah Menteri untuk dibentang dan pertimbangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri selewat-lewatnya pada akhir Februari 2021.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD  
(SETIAWANGSA)**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah dasar terkini Kerajaan terhadap kes buli di kalangan tentera dan tindakan yang diambil untuk mengatasinya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan memandang serius terhadap sebarang kejadian berunsur penganiayaan dan penderaan seperti kes buli di kalangan warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan tidak akan berkompromi terhadap pelaku-pelaku yang dibuktikan bersalah.

Di peringkat Perkhidmatan Darat, Laut dan Udara, usaha bagi membendung gejala ini dilaksanakan dengan senantiasa mengeluarkan pengarah dan peringatan terhadap warga tentera untuk menjauhkan diri daripada perbuatan buli dan kesan negatif yang bakal dihadapi oleh pelaku.

Justeru, berhubung dengan soal kes buli di kalangan warga tentera, sekiranya didapati berlaku, tindakan tatatertib yang tegas di bawah Akta Angkatan Tentera 1972 akan dikenakan oleh Perkhidmatan ke atas pelaku. Manakala bagi kes-kes buli yang menyebabkan berlakunya unsur jenayah dan pertuduhan di bawah Kanun Keseksaan, tindakan susulan akan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Awam.

Warga tentera yang terlibat dalam kes buli, setelah didakwa dan disabitkan atas kesalahan samada oleh Perkhidmatan atau Mahkamah Awam akan ditamatkan perkhidmatan di bawah Peraturan-Peraturan Angkatan Tentera (Terma-Terma Perkhidmatan Bagi Angkatan Tetap) 2013 atas sebab salah laku serta berhadapan dengan risiko tidak layak untuk menerima pencen, ganjaran perkhidmatan dan faedah-faedah pemberhentian lain.

Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU  
[ BATU GAJAH ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada semua aktiviti kokurikulum telah diberhentikan di sekolah-sekolah sebagai langkah kawalan penularan COVID-19. Apakah langkah-langkah tambahan yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan supaya sekolah-sekolah berada dalam keadaan yang selamat dan bebas daripada ancaman COVID-19

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan memberi keutamaan dalam aspek keselamatan dan kesihatan murid, khususnya ketika berada di kawasan sekolah bagi mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran, termasuk juga aktiviti kokurikulum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum bagi membolehkan aktiviti sukan dan kokurikulum secara bersemuka dapat dilaksanakan di sekolah mulai 1 September 2020. Garis panduan ini juga membolehkan murid melaksanakan aktiviti sukan dan kokurikulum secara terkawal di sekolah bagi memenuhi keperluan pengisian data Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) murid untuk tahun semasa.

## SOALAN NO : 22

Walaupun bagaimanapun, berikutan gelombang ketiga pandemik COVID-19 yang mencatatkan peningkatan jangkitan kes positif COVID-19, KPM telah mengarahkan supaya semua program/aktiviti sukan, kokurikulum, seminar, bengkel serta aktiviti lain yang dijalankan secara bersemuka ditangguhkan mulai 21 Oktober 2020. Tindakan ini merupakan antara usaha untuk mengekang penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan warga sekolah, terutamanya murid sekolah.

### **Tuan Yang di-Pertua,**

Dalam konteks pengoperasian persekolahan, sekolah telah dibuka semula secara berperingkat bermula pada 24 Jun 2020. Pihak sekolah dan guru telah membuat persiapan rapi bagi memastikan keselamatan dan kesihatan murid, guru serta kakitangan sekolah sepanjang mereka berada di sekolah. Ini melibatkan pematuhan *standard operating procedures* (SOP) serta garis panduan yang ditetapkan seperti Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah dan Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi.

Sepanjang tempoh sekolah dibuka semula, KPM sentiasa memantau pelaksanaan operasi sekolah mengikut garis panduan berkenaan dan mencadangkan penambahbaikan berdasarkan situasi dan keperluan semasa agar ianya kekal relevan. Sehubungan itu, garis panduan baharu, iaitu Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah Dalam Norma Baharu dan Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi Dalam Norma Baharu digunakan bagi menggantikan garis panduan sedia ada mulai 5 Oktober 2020.

Pada masa ini semua sekolah di bawah KPM ditutup mulai 9 November 2020 sehingga ke hari akhir persekolahan tahun ini iaitu pada 17 Disember 2020. Sebagai persediaan untuk pembukaan semula sesi persekolahan bagi tahun 2021, KPM akan sentiasa berusaha menambah baik garis panduan sedia ada demi keselamatan dan kesihatan warga sekolah, khususnya dalam kalangan murid sekolah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI  
[ HULU SELANGOR ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER [ KHAMIS ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan terhadap kilang pemprosesan sisa plastik haram.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa mengambil tindakan penguatkuasaan bagi membanteras kilang pemprosesan sisa plastik haram. Melalui data yang diperolehi dari PBT, bagi tahun 2019 terdapat 1,450 buah kilang plastik yang telah dilesenkan oleh PBT di seluruh Malaysia. Namun begitu, terdapat sebanyak 142 buah kilang plastik haram telah dikenal pasti dan 70 buah kilang telah diambil tindakan penguatkuasaan.

2. Bagi tahun ini sehingga 1 November 2020, terdapat sebanyak 1,508 buah kilang plastik berlesen di bawah PBT dan 261 buah kilang plastik haram telah dikenal pasti. Sebanyak 270 tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan ke atas kilang plastik haram pada tahun ini.

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, antara tindakan yang telah diambil oleh PBT bagi membendung masalah kilang plastik haram adalah seperti berikut:

- (a) Mewujudkan pasukan kerja khas (*task force*) kilang haram bagi menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan serta pemeriksaan;
- (b) Melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN);
- (c) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan iaitu dengan mengeluarkan Notis Pemberhentian dan Kompaun di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan Dan Perindustrian; dan
- (d) Mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 72(1), 72(4), 72(6), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Sebagai contoh, tindakan merobohkan struktur bangunan/premis jika berlaku pelanggaran Seksyen 70 Akta 133 iaitu premis yang dibina tanpa kelulusan samada baru ataupun pengubahsuaian dan menggunakannya selain daripada maksud ianya dibina.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG TACK [ BENTONG ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan status terkini proses kelulusan pembinaan PDF Lynas, termasuk kelulusan EIA, lokasi PDF dan kontraktor yang terlibat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 28 Julai 2020, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom telah meluluskan tapak cadangan bagi pembinaan PDF Lynas dengan keluasan 12.2 hektar di dalam kawasan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pahang. Lokasi yang dimaksudkan adalah di Tapak Pelupusan Sisa Industri Berjadual Pelbagai Kategori di Bukit Ketam, Mukim Kuala Kuantan, Kuantan, Pahang dengan keluasan 202.36 hektar.

Walau bagaimanapun, kelulusan ini tertakluk kepada Kajian Radiological Impact Assessment (RIA), Kajian Environmental Impact Assessment (EIA) dan lain-lain keperluan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/ Persekutuan yang lain.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bidang Rujukan (*Term of Reference, TOR*) Laporan EIA bagi cadangan projek bertajuk *Proposed Development of A Dedicated Long-Term Storage Facility For The Water Leach Purification Residue At Bukit*



**NO. SOALAN : 24**

*Ketam in Mukim Kuantan, Daerah Kuantan, Pahang Darul Makmur* telah dihantar ke Jabatan Alam Sekitar pada 15 September 2020. Pemaju projek adalah Lynas Malaysia Sdn Bhd manakala perunding adalah AGV Environment Sdn Bhd.

Mesyuarat Jawatankuasa Bagi Membincangkan Terma Rujukan (TORAC) telah diadakan pada 13 Oktober 2020. TOR berkenaan tidak dapat disahkan dan perlu dikemaskini dengan mengambilkira ulasan agensi-agensi dan individu yang dilantik semasa Mesyuarat TORAC. TOR baru yang telah dikemaskini telah di hantar ke Jabatan Alam Sekitar pada 27 Oktober 2020 dan sedang diproses.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK  
[ SIMPANG RENGAM ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hala tuju industri perbukuan di Malaysia serta sama ada wujud usaha sama dengan Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk meningkatkan penerbitan bermutu oleh para karyawan, ahli akademik dan penulis tanah air.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) serta Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) sentiasa memastikan hala tuju industri perbukuan relevan dan sesuai dengan perkembangan semasa seiring dengan kemajuan teknologi terkini.

Dalam hal ini, KPM sedang meneliti, mengkaji dan melaksanakan semakan semula Dasar Buku Negara (DBN). Antara strategi yang dikenal pasti, termasuklah meningkatkan ekonomi perbukuan dengan penggunaan teknologi perkongsian pintar. Usaha ini turut disokong oleh Pelan Tindakan Industri Perbukuan Negara, yang antaranya meningkatkan tadbir urus agensi yang terlibat dan jaringan hubungan dalam kalangan penggiat industri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DBP dan ITBM sentiasa menawarkan khidmat dan kerjasama penerbitan dengan mana-mana pihak bagi meningkatkan penerbitan bermutu oleh para karyawan, ahli akademik dan penulis tanah air. Tumpuan diberikan kepada usaha meningkatkan bakat, kemahiran dan kepakaran mereka yang terlibat dalam ekosistem industri ini agar selari dengan perilaku pembaca yang semakin beralih dan cenderung kepada pembacaan digital.

DBP giat menerbitkan judul baharu dalam bentuk bercetak dan digital pada setiap tahun yang meliputi pelbagai bidang. Judul-judul ini dihasilkan dengan kerjasama institusi pengajian tinggi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Pada tahun 2018 hingga 2020, misalnya, DBP telah bekerjasama dengan 11 buah universiti awam dengan menerbitkan 93 judul dan melibatkan seramai 133 orang penulis.

DBP turut menyokong usaha menyemarakkan kegiatan pelancongan, seni dan budaya yang bersifat Malaysiana seperti penerbitan Siri Sejarah Nusantara yang mengetengahkan sejarah negeri-negeri di Malaysia dan judul berkaitan dengan songket, makyung, busana, budaya dan seni dalam membantu mempromosikan usaha Kementerian Pelancongan,

## NO. SOALAN : 27

Seni dan Budaya Malaysia. Berdasarkan data tiga tahun terakhir, terdapat 62 judul diterbitkan dengan melibatkan bidang pelancongan (tujuh judul), kesenian (18 judul) dan budaya (37 judul).

Selain itu, kerjasama penerbitan turut melibatkan agensi awam seperti Agensi Nuklear Malaysia di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Jabatan Perikanan Malaysia (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan), Jabatan Pembangunan Kemahiran (Kementerian Sumber Manusia) serta Institut Penyelidikan Perubatan (Kementerian Kesihatan Malaysia). Sehingga kini, terdapat 50 judul telah diterbitkan.

Di samping itu, ITBM juga telah menerbitkan 62 judul termasuk kerjasama dengan pihak universiti dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia bagi tahun 2019 hingga tahun 2020. Judul ini melibatkan 48 karya asli dan 14 karya terjemahan.

KPM dan agensi terlibat akan terus berusaha memartabatkan industri perbukuan melalui kerjasama erat dengan pelbagai pihak berkaitan bagi menghasilkan karya berkualiti seiring dengan perkembangan dan keperluan semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
[ WANGSA MAJU ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 [ KHAMIS ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang menubuhkan dana penyenggaraan bagi membantu Jawatankuasa Perbadanan Perumahan (JMB/MC) di rumah pangsa kos rendah yang dahulunya penempatan semula penghuni rumah setingan. Kutipan Fi penyelenggaraan tersebut tidak mencukupi untuk gantian tangki dan lif yang berharga tinggi.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, secara amnya penempatan semula setinggan boleh dibuat di Program Perumahan Rakyat (PPR) yang disediakan oleh Kerajaan sama ada PPR (Dimiliki) atau PPR (Disewa) atau di perumahan swasta kos rendah mengikut kawasan.
2. Program Perumahan Rakyat (PPR) diuruskan oleh sama ada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) atau oleh Kerajaan Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bagi PPR yang diuruskan oleh KPKT, penyelenggaraan bangunan diuruskan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN) melalui ejen pengurusan yang dilantik. Manakala bagi PPR yang diurus oleh Kerajaan Negeri/PBT, urusan penyelenggaraan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri/ PBT yang berkenaan.
3. Bagi rumah pangsa/rumah awam yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri, adalah menjadi tanggungjawab pemilik bangunan iaitu pihak Kerajaan Negeri untuk melaksanakan penyelenggaraan bangunan secara berkala. Manakala bagi perumahan strata swasta pula, penyelenggaraan adalah di bawah tanggungjawab pihak pengurusan (JMB/MC) kawasan tersebut untuk mengurus dan menyenggara bangunan dan harta bersama mereka.
4. Walau bagaimanapun, Kerajaan menyedari terdapat perumahan strata kos rendah dan sederhana rendah yang berhadapan dengan isu kutipan fi atau caj penyelenggaraan yang tidak mencukupi kerana kos penyelenggaraan yang semakin tinggi. Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan bantuan penyelenggaraan melalui Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) bagi perumahan awam dan Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) bagi perumahan swasta kos rendah dan sederhana rendah.

## NO SOALAN : 29

5. Untuk perumahan awam, pihak Kerajaan Negeri boleh terus mengemukakan permohonan kepada KPKT. Manakala bagi perumahan strata swasta kos rendah dan sederhana rendah pula, permohonan boleh dikemukakan oleh pihak pengurusan JMB/MC kepada KPKT melalui Pesuruhjaya Bangunan (COB) di PBT masing-masing.
  
6. Peruntukan yang disediakan adalah bagi membaik pulih kerosakan/penyelenggaraan harta bersama secara *one-off* di bangunan strata yang terlibat. Antara skop kerja di bawah bantuan yang disediakan ini adalah pembaikan atau penggantian lif, tangki air, paip sanitari, bumbung, *handrail*, pendawaian elektrik, mengecat, kerosakan umum, pagar dan cerun.
  
7. Untuk makluman Yang berhormat juga, pelaksanaan TPPM dan PPP adalah tidak termasuk bagi kawasan pemajuan di bawah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @  
YUSRE BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menambah baik sistem pembelajaran khususnya dalam talian, bagi membantu anak-anak istimewa (OKU) yang terjejas akibat COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam memastikan semua murid, termasuk murid berkeperluan khas (MBK) mendapat akses kepada pendidikan secara optimum. Dalam tempoh negara berdepan dengan ancaman pandemik COVID-19 ini, KPM sentiasa prihatin dan telah mengambil langkah untuk menambah baik kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP), terutamanya PdP secara dalam talian. Ini amat penting bagi memastikan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan adalah setara dan bersesuaian mengikut keperluan MBK. Walau bagaimanapun, KPM menyedari bahawa tidak semua MBK mampu mengikuti pembelajaran secara dalam talian memandangkan mereka mempunyai ketidakupayaan yang berbeza, khususnya bagi MBK yang memerlukan sokongan secara maksimum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga menyediakan akses pembelajaran kepada MBK melalui kaedah *Home-based Learning*



mengikuti kesesuaian guru dan murid. Kaedah *Home-based Learning* ini dilaksanakan melalui pelantar pembelajaran digital, iaitu *Digital Education Learning Initiative Malaysia* (DELIMa). Melalui pelantar ini, MBK dan guru boleh mengakses aplikasi seperti *Google Classroom* dan *Google Meet*, *Microsoft 365*, *Apple Teacher Learning Centre*, buku teks digital, video PdP, kuiz dan video permainan pembelajaran. Selain itu, ibu bapa juga boleh mengakses EduwebTV dan CikgooTube untuk membantu dalam pembelajaran anak mereka di rumah. Bagi membantu kumpulan MBK yang tidak mempunyai akses kepada talian internet dan alat peranti yang sesuai untuk pembelajaran secara dalam talian, *Home-based Learning* turut dilaksanakan melalui siaran TV Pendidikan dan serahan bahan pembelajaran kepada murid.

Sehingga kini, sebanyak 30 bahan video pembelajaran untuk MBK kategori kurang upaya pendengaran peringkat sekolah rendah dan menengah telah dihasilkan. Selain itu, sebanyak enam bahan video pembelajaran MBK kategori kurang upaya penglihatan juga telah dihasilkan. Sehingga Oktober 2020, sebanyak 1,300 rakaman rancangan TV Pendidikan yang mempunyai juru bahasa kod tangan telah disediakan untuk tayangan di saluran TV Okey, Radio Televisyen Malaysia. Bagi MBK kategori masalah pembelajaran dan kurang upaya pelbagai pula, KPM telah menyediakan pelbagai modul pembelajaran yang boleh dilaksanakan di rumah oleh ibu bapa/ penjaga.

KPM sentiasa berusaha untuk menambah bahan pembelajaran dalam talian yang bersesuaian kepada MBK. Bagi MBK kategori masalah pembelajaran, KPM menyediakan bahan video pembelajaran berkonsepkan tugas yang lebih berstruktur dan berunsurkan didik hiburan. Ini adalah kerana MBK kategori masalah pembelajaran terbahagi kepada beberapa sub kategori yang lain seperti *sindrom down*, *Attention Deficit Hyperactive Disorder* (ADHD) dan *autisme*. Oleh itu, PdP kepada MBK ini perlu mengikuti sub kategori, sebagai contoh, MBK sindrom down yang lebih tertarik kepada nyanyian. Maka, guru perlu menyediakan bahan PdP dengan menerapkan unsur *fun learning* atau didik hiburan bagi mendorong anak-anak ini berminat untuk mengikuti PdP dengan dibantu ibu bapa/ penjaga di rumah.

## NO. SOALAN : 32

Di samping itu, bagi memastikan pembelajaran dan aktiviti berunsurkan intervensi dapat dilaksanakan di rumah, Rancangan Pendidikan Individu (RPI) dan pek aktiviti telah dikongsikan kepada ibu bapa/penjaga setiap MBK. Perbincangan serta persetujuan dari ibu bapa/penjaga dalam membentuk RPI adalah merupakan peringkat yang wajib dilakukan supaya kedua-dua belah pihak bersetuju dan memahami matlamat sebenar yang ingin dicapai. Guru menyediakan dokumen RPI yang lengkap dan menyerahkan kepada ibu bapa/penjaga untuk melaksanakan aktiviti intervensi di rumah berdasarkan RPI tersebut. Guru juga menyediakan pek intervensi yang merangkumi kemahiran pengurusan diri serta interaksi sosial mengikut keperluan MBK. RPI dan pek aktiviti amat penting kepada MBK bagi memastikan kesinambungan perkembangan pembelajaran dan potensi diri MBK.

KPM sentiasa berusaha sebaik mungkin untuk meningkatkan lagi keberkesanan kaedah *Home-based Learning* kepada semua MBK. Walau bagaimanapun, keberkesanan PdP secara dalaman agak terhad berbanding kaedah secara bersemuka, khususnya bagi MBK. Ini adalah kerana MBK memerlukan sentuhan secara fizikal bagi membantu mereka mengurus diri, tingkah laku dan juga emosi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [ LABIS ]**  
**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pinjaman tertunggak oleh peminjam-peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah meningkat :-

- (a) nyatakan jumlah pinjaman tertunggak oleh peminjam-peminjam PTPTN setakat bulan September 2020 dan bilangan peminjam-peminjam yang masih berhutang dalam peratusan mengikut kaum; dan
- (b) impaknya kepada anak muda yang akan datang dan adakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan hutang PTPTN.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian amat prihatin terhadap bebanan yang dihadapi oleh peminjam-peminjam PTPTN untuk membuat bayaran balik pinjaman akibat pandemik COVID-19 yang melanda negara. Atas keprihatin itu, kementerian telah menangguhkan pembayaran balik oleh semua peminjam PTPTN sehingga Disember 2020. Jumlah keseluruhan anggaran penangguhan bayaran balik adalah sebanyak RM1.125 billion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2020, jumlah bayaran balik pinjaman PTPTN yang tertunggak adalah sebanyak RM8.36 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM3.8 bilion tertunggak daripada 865,429 peminjam yang tidak membayar secara konsisten manakala bakinya daripada 391,793 peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik.

Bagi tempoh yang sama, sejumlah lebih 2.18 juta peminjam masih terhutang dan perlu membuat bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN dengan nilai sebanyak RM24.51 bilion. Daripada jumlah tersebut, 71.63 peratus atau 1.56 juta merupakan peminjam bumiputera dan 28.37 peratus atau 617,926 peminjam bukan bumiputera.

Model pembiayaan pinjaman yang digunapakai oleh PTPTN amat bergantung kepada prestasi bayaran balik sebagai sumber utama dana bagi membiayai pinjaman sedia ada dan baharu. Kekurangan dana akan meningkatkan kebergantungan PTPTN kepada jaminan Kerajaan dan mengurangkan bilangan penawaran pinjaman baharu. Justeru, kementerian belum bercadang untuk menghapuskan hutang PTPTN dalam masa terdekat supaya penawaran pinjaman baharu kepada pelajar yang layak dapat diteruskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG KAH WOH  
[IPOH TIMUR ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN WONG KAH WOH [ IPOH TIMUR ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah usaha khas daripada pihak Kerajaan untuk menambah jaringan perkhidmatan internet khususnya di kawasan desa dan luar bandar, dan usaha membantu rakyat dalam memiliki perkhidmatan internet yang lebih murah dalam masa COVID-19 yang mana perkhidmatan internet menjadi suatu keperluan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi. Ini adalah untuk membolehkan rakyat dapat menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih menyeluruh.

Pelan Jalinan Digital Negara atau JENDELA yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 29 Ogos lalu merupakan inisiatif oleh Kerajaan dan pemain industri bagi mempertingkatkan tahap kesalinghubungan serta kualiti pengalaman

perkhidmatan komunikasi di seluruh negara melalui pembangunan infrastruktur yang lebih cepat dan menyeluruh.

Melalui JENDELA, penambahbaikan infrastruktur digital yang dilaksanakan secara berfasa akan memberikan kualiti pengalaman yang sama rata antara kawasan bandar dan luar bandar.

Sasaran fasa pertama yang kini telah bermula sehingga tahun 2022 ialah:

- a. penambahan daripada 4.95 juta premis kepada 7.50 juta premis mendapat akses kepada jalur lebar talian tetap berkelajuan gigabit;
- b. perluasan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8% kepada 96.9% di kawasan yang berpenduduk; serta
- c. mempertingkatkan kelajuan purata jalur lebar mudah alih daripada 25Mbps kepada 35Mbps.

Pelan JENDELA juga akan melibatkan penamatan rangkaian 3G secara berperingkat sehingga akhir tahun 2021 untuk mengoptimumkan penggunaan spektrum bagi pemantapan rangkaian 4G. Bagi fasa kedua pelan JENDELA dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-12, ia akan melibatkan penyediaan teknologi 5G selepas platform yang kukuh di dalam fasa pertama ini dapat dicapai.

Kementerian bersama-sama dengan SKMM serta syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan mendukung komitmen untuk memberi pengalaman terbaik kepada rakyat dan menjana pembangunan semula negara melalui penyediaan infrastruktur komunikasi yang mampan.

Walau bagaimanapun, segala inisiatif pembangunan infrastruktur digital ini memerlukan kerjasama dari semua pihak, terutamanya di peringkat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk pemudahcaraan proses dan kelulusan bagi projek-projek yang telah dirancang dan yang akan dilaksanakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada pengenalan tulisan jawi akan diteruskan dalam buku teks baharu darjah 5 untuk SK dan SJK. Sekiranya ya, apa tambah baik berbanding zaman PH yang dilaksanakan, isi kandungan dan berapa muka surat dalam buku teks baharu.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengenalan tulisan jawi dalam aspek seni bahasa kurikulum Bahasa Melayu untuk murid Tahun 5 diteruskan seperti yang telah diputuskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2019. Begitu juga penerbitan buku teks turut diteruskan menggunakan konsep penerbitan buku teks Tahun 4 kegunaan 2020 iaitu mengekalkan tiga muka surat berkaitan tulisan jawi bagi SJK dan 6 muka surat bagi SK. Tulisan jawi yang diperkenalkan adalah berkaitan objek seharian dan diajar dalam konteks tema-tema yang terpilih.

Mengambil kira Akta Pendidikan 1996, KPM akan memperhalusi semula perkara berkaitan dengan tulisan jawi ini secara menyeluruh dan holistik. Buat masa ini, keputusan Jemaah Menteri sebelum ini dikekalkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI  
SHIEN [ JULAU ]**

**TARIKH JAWAB** : **19 NOVEMBER 2020 [ KHAMIS ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan rumah panjang di Sarawak yang mempunyai polisi insurans kebakaran menurut kawasan parlimen dan usaha Kementerian untuk menggalakkan setiap rumah panjang di Sarawak mempunyai polisi insurans kebakaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa mengambil langkah proaktif dengan mengadakan program kesedaran awam bersama penghuni-penghuni rumah panjang yang terdapat di Negeri Sarawak terutamanya melibatkan aspek keselamatan kebakaran.
2. Pada masa kini, terdapat satu program perlindungan insuran melibatkan rumah panjang yang diperkenalkan oleh *Allianz General Insurance Company* (Malaysia) Berhad atau dikenali sebagai *Allianz*. Pelan perlindungan yang diberi nama '**KampungKu**' ini menawarkan pampasan sebanyak **RM10,000.00 (bagi mangsa kebakaran, banjir atau ribut)** dan faedah bantuan sebanyak **RM1,000.00 (bagi**



**kemalangan diri)** dengan hanya bayaran RM75.00 setahun untuk setiap unit rumah panjang.

3. Berdasarkan statistik yang diperolehi daripada *Allianz*, kini terdapat sebanyak 49 buah rumah panjang yang telah mempunyai polisi insuran tersebut merangkumi kawasan Sibu, Bintulu dan Miri. Untuk makluman Yang Berhormat, program insuran 'KampungKu' ini adalah inisiatif secara sukarela penghuni-penghuni rumah panjang itu sendiri untuk melanggan pelan yang ditawarkan dan juga salah satu syarat atau keperluan daripada pihak *Housing Development Corporation (HDC)* Sarawak bagi penghuni yang ingin membuat pinjaman untuk tujuan membina semula rumah panjang.

4. Oleh yang demikian, KPKT melalui JBPM berhasrat untuk mengadakan sesi libat urus bersama Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) bagi membincangkan berkaitan polisi insuran kebakaran seperti ini kerana ia merupakan alternatif yang baik untuk membantu kelangsungan hidup penghuni rumah panjang sekiranya berlaku kebakaran.

5. Selain itu, program kesedaran awam seperti ceramah, program latihan pemadaman kebakaran (*Summer Camp*) melibatkan ketua rumah panjang dan program kempen keselamatan kebakaran (*outreach*) ke kawasan pedalaman akan diperkasakan serta menjadi *platform* untuk JBPM menghebahkan tentang kepentingan polisi insuran terhadap rumah-rumah panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.  
NASIR [JOHOR BAHRU]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah terdapat sebarang pengecualian bayaran perkhidmatan universiti seperti asrama, perpustakaan dan rekreasi yang tidak digunakan mahasiswa memandangkan pendekatan pembelajaran atas talian dengan mengurangkan jumlah bayaran yuran yang ditanggung mahasiswa.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian amat prihatin dan mengambil berat terhadap keperluan para pelajar IPT untuk menjelaskan yuran pengajian mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya, pelajar di universiti awam (UA) hanya membayar dua (2) hingga 10 peratus sahaja daripada kos sebenar program akademik manakala 90 hingga 98 peratus kos yuran pengajian dibiayai melalui subsidi oleh Kerajaan. Sebagai contoh, purata yuran bagi pengajian Sarjana Muda Perubatan di UA yang perlu dibayar oleh pelajar ialah sebanyak RM10,046 setahun iaitu bersamaan dua (2) peratus daripada kos keseluruhan sebenar pengajian yang berjumlah RM451,929. Manakala bakinya, sebanyak RM441,883 dibiayai oleh subsidi Kerajaan.

Kementerian telah membuat rundingan dengan pihak Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi mengurangkan bebanan kewangan pelajar. Sebagai tanda keprihatinan, Kerajaan telah bersetuju untuk mengurangkan kadar yuran asrama dan yuran aktiviti atau perkhidmatan UA sehingga 15 peratus setelah mengambil kira keupayaan kewangan Kerajaan dan UA. Pengurangan yuran tersebut adalah bagi Semester Kedua Sesi Akademik 2019/2020 untuk pelajar warganegara Malaysia. Pengurangan yuran ini akan melibatkan peruntukan sebanyak RM72 juta yang mana RM20 juta merupakan peruntukan tambahan Kerajaan dan RM52 juta menggunakan sumber dalaman UA. Seramai 523,318 pelajar UA di seluruh negara dijangka mendapat manfaat daripada keputusan ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sama ada harga internet akan dikurangkan lagi dalam masa terdekat dan apakah tindakan diambil untuk memastikan perkhidmatan internet di negara ini berkualiti baik.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar pakej jalur lebar tetap, jalur lebar tanpa wayar dan jalur lebar mudah alih ditentukan oleh faktor-faktor pasaran, perlindungan pengguna dan keadaan ekonomi semasa. Persaingan secara sihat di kalangan penyedia perkhidmatan komunikasi di Malaysia mewujudkan ekosistem industri telekomunikasi yang lebih mampan dan dapat memberikan faedah terbaik kepada rakyat. Walau bagaimanapun, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) sentiasa memantau harga untuk pakej jalur lebar tetap dan jalur lebar mudah alih prabayar dan pascabayar bagi menjaga kebajikan rakyat di seluruh negara termasuk di kawasan luar bandar.

Pada masa kini terdapat syarikat penyedia perkhidmatan yang menawarkan pakej paling asas dengan kelajuan 30Mbps hingga 100Mbps pada harga RM79 hingga RM99 bagi perkhidmatan jalur lebar

tetap berkelajuan tinggi. Perkhidmatan jalur lebar talian tetap adalah berbeza dengan perkhidmatan mudah alih di mana data boleh dikongsi oleh semua pengguna isi rumah. Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, purata isi rumah untuk tahun 2019 adalah seramai 4 orang. Ini bermaksud harga jalur lebar talian tetap untuk setiap pengguna isi rumah adalah serendah **66 sen sehari**.

Manakala, harga pakej perkhidmatan mudah alih di Malaysia adalah kompetitif kerana terdapat pelbagai pakej dan perkhidmatan nilai tambah yang ditawarkan. Harga pakej asas jalur lebar mudah alih prabayar adalah di antara RM9 hingga RM30 sebulan, manakala harga pakej asas jalur lebar mudah alih pascabayar adalah antara RM8 hingga RM38 sebulan. Secara asasnya, pengguna boleh menikmati perkhidmatan jalur lebar mudah alih dengan harga serendah **27 sen sehari**. Pada masa ini, pembekal perkhidmatan mudah alih utama menawarkan sehingga 30GB sebulan secara percuma (1GB data harian) mulai 1 April 2020 hingga 31 Disember 2020.

Dengan adanya pelbagai pelan yang ditawarkan pada kadar harga mengikut kemampuan, pengguna bukan sahaja boleh memilih pemberi perkhidmatan mereka, malahan dengan adanya *Mobile Number Portability*, pengguna boleh menukar pemberi perkhidmatan mereka dengan mudah untuk mendapatkan pakej yang lebih kompetitif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang pada 29 Ogos lalu adalah satu inisiatif oleh Kerajaan dan pemain industri untuk mempertingkatkan tahap kesalinghubungan serta kualiti pengalaman perkhidmatan komunikasi di seluruh negara melalui pembangunan infrastruktur yang mampan dan menyeluruh bagi memastikan permintaan rakyat dapat dipenuhi.

Bagi memastikan JENDELA mencapai matlamat yang dikehendaki, sejumlah pelaburan perlu dibelanjakan. JENDELA dianggarkan menelan belanja sebanyak RM21 bilion bagi pelaksanaannya. Kos ini adalah termasuk 55% daripada pembiayaan secara komersial manakala selebihnya daripada Kumpulan Wang

Pemberian Perkhidmatan Sejangat (“PPS”) ataupun *Universal Service Provision Fund (USP Fund)*.

Fasa pertama JENDELA merangkumi peluasan liputan jalur lebar mudah alih 4G yang lebih menyeluruh daripada 91.8% ke 96.9% di kawasan berpenduduk, meningkatkan kelajuan jalur lebar mudah alih daripada 25Mbps kepada 35Mbps dan pertambahan bilangan premis daripada 4.95 juta kepada 7.5 juta premis yang mempunyai akses kepada kelajuan gigabit untuk perkhidmatan jalur lebar talian tetap menjelang 2022.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG  
WEI SHIEN [ JULAU ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [ JULAU ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ketidakstabilan liputan internet dan telekomunikasi di kawasan pedalaman Sarawak yang diakibatkan penggunaan rangkaian satelit dan bekalan janakuasa diesel.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi. Ini adalah untuk membolehkan rakyat di kawasan pedalaman termasuklah di negeri Sarawak dapat menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih menyeluruh.

Penggunaan bekalan janakuasa diesel pula diperlukan bagi memastikan alat pemancar komunikasi di menara berkenaan dapat beroperasi kerana ketiadaan bekalan elektrik yang kekal. Namun, penggunaan janakuasa diesel lebih terdedah kepada kecurian dan

vandalisma yang juga turut mempengaruhi kestabilan perkhidmatan yang disediakan.

Pihak penyedia perkhidmatan juga bekerjasama dengan pemilik tanah dan Jawatankuasa Keselamatan Kampung bagi mengurangkan risiko kecurian dan vandalisma. Bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih stabil, pihak penyedia perkhidmatan akan menaik taraf menara kepada penggunaan tenaga elektrik kekal sekiranya lokasi berkenaan telah tersedia dengan liputan tenaga elektrik pada masa hadapan.

Untuk menyediakan liputan di kawasan luar bandar dan pedalaman, pelbagai cabaran dihadapi oleh pihak Kerajaan termasuklah menentukan jenis teknologi yang bersesuaian, keadaan geografi dan bentuk muka bumi kawasan yang hendak diberikan perkhidmatan di samping ketiadaan bekalan kuasa yang kekal.

Faktor lokasi yang agak jauh di pedalaman juga menyebabkan hanya teknologi satelit sahaja yang boleh digunakan sebagai alat pemancar komunikasi di menara bagi membolehkan liputan jalur lebar mudah alih dapat disediakan di kawasan pedalaman berbanding dengan penggunaan rangkaian gentian optik dan pemancar gelombang mikro yang lebih stabil dan laju.

Pihak penyedia perkhidmatan akan menaik taraf menara berkenaan kepada teknologi gentian optik atau gelombang mikro secara berperingkat seiring dengan pembangunan dan ketersediaan rangkaian gentian optik atau gelombang mikro di kawasan berkenaan.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN M.KULASEGARAN [IPOH BARAT]**  
**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah graduan yang terjejas peluang mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian akibat impak daripada COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian amat prihatin dan mengambil berat terhadap nasib graduan yang terjejas peluang untuk mendapatkan pekerjaan akibat kesan pandemik COVID-19 yang melanda negara. Adalah dianggarkan pada tahun 2020, sejumlah 300,000 graduan bakal menamatkan pengajian masing-masing. Daripada jumlah tersebut, kementerian mengunjurkan sebanyak 25 peratus atau 75,000 graduan yang mungkin akan terjejas peluang mendapat pekerjaan dalam tempoh enam (6) bulan selepas menamatkan pengajian.

Dalam memastikan kebolehpasaran graduan ditingkatkan terutamanya pasca pandemik COVID-19, sejumlah RM100 juta telah diperuntukkan melalui inisiatif PENJANA kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk melaksanakan Program PENJANA KPT-CAP. Program-program yang berbentuk latihan kemahiran jangka pendek dan sederhana ini dijangka dapat memberikan manfaat dan nilai tambah kepada sejumlah 20,000 graduan universiti awam, politeknik dan kolej komuniti.

## NO. SOALAN : 45

Kementerian dengan kerjasama pihak TEKUN Nasional turut memperkenalkan Skim Pembiayaan Mikro dengan peruntukan sebanyak RM20 juta bagi membantu mahasiswa mengembang dan meningkatkan perniagaan masing-masing. Inisiatif ini disasarkan dapat membantu sekurang-kurangnya 20,000 orang peserta. Pihak PUNB pula akan membiayai program keusahawanan berkonsepkan mentor-mentee untuk membolehkan bimbingan secara langsung daripada usahawan-usahawan yang telah berjaya. Program ini dijangka akan memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya 500 orang pelajar.

Kementerian turut melaksanakan program padanan pekerjaan kepada graduan dengan kerjasama PERKESO. Graduan-graduan yang berdaftar di *Portal Graduates Reference Hub for Employment and Training* atau ringkasnya GREaT yang diselia oleh KPT akan dipadankan dengan kekosongan jawatan di syarikat-syarikat yang berdaftar melalui portal MyFutureJobs di bawah seliaan PERKESO.

Selain itu, bantuan kewangan juga ditawarkan kepada mereka yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Antara inisiatif tersebut adalah seperti MyBrain Science dan Biasiswa Menteri Pengajian Tinggi. Dalam usaha mempelbagaikan lagi sumber pembiayaan kewangan kepada pelajar, kementerian turut berkerjasama rapat dengan Yayasan Tenaga Nasional bagi menyediakan pembiayaan kewangan kepada pelajar yang berkelayakan melalui program *My Brighter Future (MyBF)*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI  
[LAHAD DATU]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan projek jalan kampung, projek bekalan air luar bandar (BALB) dan projek elektrik Luar Bandar (BELB) di Parlimen Lahad Datu yang telah dilaksana dan akan dilaksanakan dari tahun 2018 hingga 2020.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang pelaksanaan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dari tahun 2018 hingga 2020 terdapat satu (1) projek yang kini sedang dilaksanakan di Parlimen Lahad Datu iaitu di Kampung Sabahan di bawah pelaksanaan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Sambungan Talian Grid Zon 2 Negeri Sabah Tahun 2017-2018. Projek di Kampung Sabahan dengan kos sebanyak RM3.92 juta ini bakal memberi manfaat kepada 29 buah rumah dan dijangka siap pada Ogos 2022.

Bagi pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Kementerian ini sedang melaksanakan lima (5) buah projek di Parlimen Lahad Datu dengan kos diluluskan sebanyak RM230.1 juta yang akan memberi manfaat kepada 4,878 buah rumah. Projek-projek tersebut adalah:

**NO. SOALAN : 46**

- i. Projek BALB Di Kawasan Dewata, Lahad Datu, Sabah (RM22 juta) – Peringkat Pembinaan;
- ii. Projek BALB Sistem Retikulasi Negeri Sabah Zon 8 – Daerah Lahad Datu (RM9 juta) – Peringkat Lantikan Perunding;
- iii. Projek Loji Rawatan Air Sri Putatan dan Sistem Rangkaian Paip Sekitarnya, Lahad Datu, Sabah (RM167.6 juta) – Peringkat Rekabentuk;
- iv. Projek BALB Kg. Bangingod, Kg. Sri Hak dan Kg. Telibas, Tungku, Lahad Datu, Sabah (RM17.5 juta) Peringkat Penyediaan Dokumen Tender;
- v. Projek BALB Sistem Retikulasi Tahun 2018/2019 Negeri Sabah – Bahagian Lahad Datu (RM14 juta) – Peringkat Rekabentuk.

Bagi Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) pula sebanyak 54 projek berjumlah RM11.63 juta telah diluluskan oleh pihak Kementerian bagi tujuan pelaksanaan dari tahun 2018 hingga 2020. Setakat 25 Oktober 2020, 46 daripada projek tersebut telah siap sepenuhnya manakala lapan (8) lagi projek sedang di peringkat pelaksanaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS  
[ KOTA BELUD ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status jalan-jalan raya utama kampung-kampung Talungan-Terintidon-Sayap, Kampung Podos-Pinolobuh-Mengkulat, Kampung Gendukut-Tengkurus-Lahanas Kota Belud. Jalan-jalan ini adalah jalan utama masuk ke kampung dan sudah tersenarai dalam RMK-11 yang lalu.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk maklumat Yang Berhormat, cadangan jalan Kampung Gendukut-Tengkurus-Lahanas telah diluluskan di bawah Projek Naiktaraf Jalan Tengkurus Lahanas Siba-Lahanas Sokib, Kota Belud, Sabah. Projek ini telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas *Rolling Plan* Keempat (RMKe-11, RP4) Tahun 2020 dengan kos sebanyak RM57.0 juta dan skop naiktaraf jalan sepanjang 10.0 km dengan spesifikasi JKR R1. Status terkini adalah di peringkat penentuan skop dan kerja awalan.

Manakala bagi cadangan jalan kampung Talungan-Terintidon-Sayap merupakan jajaran di bawah cadangan Projek Naiktaraf Jalan Sayap, Kota Belud, Sabah. Kementerian telah mengangkat permohonan projek tersebut bagi pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Status terkini adalah di peringkat

pertimbangan kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Bagi cadangan jalan Kampung Podos-Pinolobuh-Mengkulat, jajaran ini terletak di jajaran cadangan Projek Naiktaraf Jalan Gaur Mengkulat, Kota Belud, Sabah dan Projek Naiktaraf Jalan Gaur Pinolobuh, Kota Belud Sabah. Kedua-dua projek telah tersenarai di bawah Senarai Keutamaan Kerajaan Negeri dan akan diangkat bagi kelulusan RMKe-12 *Rolling Plan* seterusnya. Walau bagaimanapun, kelulusan adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI [KLUANG]**  
**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**PUAN WONG SHU QI [KLUANG]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah permohonan Geran Automasi Pintar yang telah diterima serta permohonan dan geran yang telah diluluskan mengikut sektor.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Malaysia *Digital Economy Corporation* (MDEC) telah diberi peruntukan sebanyak RM10 juta daripada jumlah RM100 juta bagi tahun 2020 untuk mengurus Geran Automasi Pintar atau *Smart Automation Grant* (SAG) di bawah PENJANA.

Geran Automasi Pintar yang diuruskan oleh MDEC ini merupakan bantuan kewangan dan bentuk geran padanan untuk syarikat-syarikat perkhidmatan mengautomasikan proses dan operasi perniagaan mereka dengan penggunaan teknologi digital. Inisiatif ini bertujuan untuk menggalakkan syarikat tempatan memanfaatkan teknologi digital untuk meningkatkan produktiviti serta mengurangkan kos operasi dan kebergantungan kepada proses manual. Mekanisme pelaksanaan Geran ini melibatkan kerjasama institusi kewangan dan rakan industri seperti syarikat telekomunikasi dan pakar industri.

**NO SOALAN : 48**

Sehingga 15 Oktober 2020, sebanyak 430 jumlah permohonan yang telah diterima. Daripada jumlah ini, 61 permohonan telah selesai diproses dan 369 permohonan masih dalam proses penilaian. Daripada jumlah permohonan yang telah diproses, sebanyak 29 permohonan telah diluluskan yang melibatkan jumlah keseluruhan geran yang diluluskan sebanyak RM3.13 juta.

Berikut adalah pecahan jumlah geran yang diluluskan mengikut sektor:

<b>No</b>	<b>Sektor</b>	<b>Geran diluluskan (RM)</b>	<b>Peratusan mengikut sektor</b>
1	Perdagangan borong dan runcit	1,014,053.00	32.4%
2	Aktiviti pentadbiran dan perkhidmatan sokongan	491,734.00	15.7%
3	Aktiviti penginapan dan perkhidmatan makanan	399,886.00	12.8%
4	Aktiviti kewangan dan insuran	269,666.00	8.6%
5	Aktiviti kesihatan dan kerja sosial	226,666.00	7.3%
6	Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	210,008.00	6.7%
7	Aktiviti perkhidmatan lain	141,900.00	4.5%
8	Pembinaan	125,272.00	4.0%
9	Aktiviti harta tanah	133,333.00	4.3%
10	Maklumat dan komunikasi	116,666.00	3.7%
	<b>Jumlah Geran Yang Diluluskan</b>	<b>3,129,184.00</b>	